

## 01 Balai Polis lama



Dibina pada tahun 1882, bangunan ini dahulunya dikenali sebagai Central Station bagi daerah Hilir Perak. Pada asalnya bangunan ini digunakan sebagai pusat kutipan cukai dan pejabat kastam. Kemudian pada zaman pentadbiran Residen British Sir Hugh Low, bangunan ini kemudiannya diubah fungsinya kepada balai polis. Dikawasan sekitar balai polis inilah terletak perkampungan dikenali sebagai Teluk Mak Intan yang kemudian telah dinamakan semula sebagai Teluk Anson sebagai tanda penghargaan kepada Major General Sir Archibald Edward Harbord Anson, Leftenan Gabenor Pulau Pinang yang merangka pelan pembinaan bandar ini. Struktur dan senireka bangunan balai polis ini sinonim dengan gaya era Kolonial British dengan elemen tempatan turut diserapkan dalam pembinaannya. Bangunan bersejarah ini berfungsi sebagai pusat tahanan oleh pihak pentadbiran British untuk sesiapa yang didapati bersalah atas pelbagai jenayah. Sewaktu zaman pendudukan Jepun, balai polis ini turut digunakan sebagai pusat penyeksaan oleh pihak Polis Tentera Empayar Jepun atau lebih dikenali sebagai Kempeitai.

## 02 Pejabat Pos



Terletak diantara Balai Polis Lama dan bangunan Hongkong and Shanghai Banking Corporation, bangunan Pejabat Pos Teluk Intan yang unik ini dibina pada sekitar tahun 1890-an dan kekal sebagai bangunan pentadbiran zaman British yang masih digunakan sehingga ke hari ini. Bangunan yang dibina sebelum Perang Dunia Pertama ini masih kukuh berdiri dan pintu masuknya seakan sama seperti pintu masuk Balai Polis Lama Teluk Intan dengan ayat 'Pejabat Pos' tertulis diatas pintu gerbangnya. Pada masa dahulu bangunan ini tidak begitu jelas milik siapa. Akhbar The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser melaporkan pada 5 Oktober 1895 bahawa "seseorang akan tertanya-tanya adakah bangunan tersebut merupakan penjara, atau gereja, makam, teater atau rumah orang Cina." Pada tahun-tahun awal kewujudannya,

perkhidmatan pejabat pos ini termasuklah penghantaran surat, pendaftaran pengundi, menyimpan duit dan bahkan juga untuk membeli tiket loteri. Walaubagaimanapun pada 1980-an, penjualan tiket loteri telah dihentikan dan selepas penswastaan perkhidmatan pos pada tahun 1992, Pos Malaysia Berhad telah diberikan hak untuk menguruskan segala urusan perkhidmatan pos dan Pos Laju di Teluk Intan.

### **03 Hongkong and Shanghai Banking Corporation**



Sewaktu Charles Edwards mengambil alih jawatan sebagai Pengurus HSBC Singapura, beliau telah melawat setiap cawangan di semenanjung. Meskipun dilanda masalah ketika zaman Pentadbiran Tentera sebelum perang akan segera kembali. Justeru itu beliau menjelajah Malaya bersama George Stabb dan sewaktu kembali ke Singapura, beliau telah meminta Stabb untuk segera ke Teluk Anson bagi membuka pejabat disana. Setibanya beliau disana, beliau mendapati bahawa Pertubuhan Peladang Hilir Perak (yang ketika itu tidak mengetahui bahawa HSBC telah merancang untuk membuka cawangan di Teluk Anson) telah berjanji untuk menyokong cawangan baru Chartered Bank. Harold Davies merasakan bahawa Teluk Anson tidak sesuai untuk HSBC beroperasi. Walaubagaimanapun, Stabb akhirnya membuat cawangan Mercantile Bank of India Ltd pada 1 November 1946. Operasi bank ini bermula dengan berkongsi pejabat bersama pelanggan terawalnya iaitu Syarikat Lee Rubber. Tidak lama kemudian, sebuah bangunan setinggi dua tingkat telah siap dibina dan terus digunakan untuk pengoperasian bank. Bank tersebut kemudiannya bergabung dengan Hongkong and Shanghai Banking Corporation dan bangunan ini diletakkan papan tanda 'HSBC'. Lebih 70 tahun berlalu dan bangunan ini masih kelihatan sama seperti asal.

### **04 Mahkamah Lama**



Mahkamah Lama Teluk Intan telah dibina pada tahun 1891 dan siap pada tahun 1893. Ia merupakan antara bangunan pentadbiran kolonial terawal di Teluk Anson dan berfungsi sebagai tempat untuk mendengar dan menjatuhkan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di Hilir Perak. Pada setiap hari Ahad dari tahun 1893 sehingga tahun 1912, bangunan mahkamah ini juga digunakan oleh penganut Kristian Anglikan untuk tujuan keagamaan sehinggalah bangunan Gereja Anglikan (kini Gereja St Luke the Evangelist) siap dibina pada tahun 1912. Bercirikan senibina Neo-Klasikal Inggeris, rekabentuk bangunan ini masih kekal meskipun terdapat perubahan moden. Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, bangunan mahkamah ini telah dijadikan sebagai Mahkamah Jenayah Perang sementara bagi mengadili kes jenayah perang yang dilakukan oleh tentera Jepun di Hilir Perak. Hasilnya, Sarjan Sasaki Saburo yang merupakan ketua pasukan Kempetai (Polis Rahsia) Teluk Anson telah dijatuhi hukuman mati oleh juri hakim Mahkamah Jenayah Perang Teluk Anson yang bersidang pada 17 dan 18 Jun 1947.

### **05 Memorial Perang Hilir Perak**



Idea asal pembinaan Memorial Perang Hilir Perak ini datang dari Persatuan Peladang-Peladang Perk (Central Perak Planters Association) pada tahun 1917 ketika Perang Dunia Pertama masih lagi berlansung (1914-1918). Memorial ini dibina dengan menggunakan sebungkah batu granit besar dan diletakkan diatas sebuah binaan konkrit merupakan satu-satunya memorial seumpamanya yang dibina seperti ini di Malaysia. Dikenali oleh penduduk tempatan sebagai Batu Tenggek, ia dibina bagi memperingati penduduk Hilir Perak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama. Tugu ini dirasmikan oleh General Commanding Officer (G.O.C) Malaya iaitu Sir Theodore Fraser dalam sebuah majlis yang penuh gilang gemilang pada hari Jumaat, 16 Januari 1926. Selepas tamat Perang Dunia Kedua, tahun 1939-1945 turut ditambah bagi memperingati mereka yang terkorban dalam perang ini. Pada tugu ini terdapat sepotong ayat dari sajak "For the Fallen" yang dikarang oleh penyair terkenal Inggeris Laurence Binyon yang tertulis "At the going down of the sun and in the morning we will remember them."

### **06 Gereja St Luke the Evangelist**



Seawal penghujung tahun 1880-an, sudah terdapat komuniti Kristian bermazhab Anglikan yang kuat di Teluk Anson. Satu diantara ketua paderi Anglikan terawal, Rev A Markham yang berpusat di Ipoh (1884 - 1887) telah berkhidmat kepada komuniti disini. Sewaktu bangunan Mahkamah Teluk Anson siap pada tahun 1893, ia turut digunakan sebagai gereja pada setiap hari Ahad untuk upacara sembahyang mingguan. Satu rancangan untuk membina sebuah gereja baru telah dirangka pada penghujung tahun 1909 dibawah seliaan Superintendent Mr. H.J. Cooper serta beberapa ahli yang memberikan khidmat penting dalam pembinaan gereja ini. Walaupun bahagian luaran gereja telah siap pada bulan Mei 1911, terdapat kekurangan dana bagi membeli kelengkapan dalaman gereja. Akhirnya, pada hari Jumaat 26 April 1912, Church of St Luke the Evangelist telah dirasmikan pembukaannya oleh Rt. Rev. Charles Ferguson-Davie, Bishop Singapura. Gereja ini merupakan sebuah bangunan kayu kecil yang mampu memuatkan seramai 60 orang pengunjung dalam satu-satu masa. Pada tahun 2000 gereja ini telah menjalani proses pengubahsuaian secara besar-besaran dan siap pada 13 Mei 2001.

## 07 Meriam Lama



Sepasang meriam lama ini dijumpai oleh En. Wan Ali Bin Wan Sulaiman sekitar tahun 1953 sewaktu beliau sedang membersihkan kawasan kebunnya di Kampung Terengganu. Beliau juga menjumpai beberapa biji peluru meriam disekitar kawasan tersebut. Disebabkan kawasan tersebut berada berdekatan dengan Makam Sultan Abdullah Muhammad Shah, adalah dipercayai bahawa meriam tersebut memili Laksamana. Jumpaan ini telah dilaporkan ke Muzium Singapura yang kemudiannya menyimpulkan bahawa meriam ini mungkin dibuat di Britain untuk kegunaan British. Meriam pada zaman tersebut juga digunakan seagai alat perdagangan untuk membeli timah dan juga hadiah tanda persahabatan dengan pembesar tempatan. Rekod sejarah juga menunjukkan bahawa terdapat 70 meriam jenis ini dijumpai oleh anak kapal HMS Rinaldo sewaktu mereka menawan Kota Kuala Selangor. Namun asal usul dua laras ini tidak diketahui.

## 08 Memorial Jubil Perak King George V



Dibina dengan gaya senireka neo-klasikal, memorial ini menjadi tempat para tetamu kenamaan pada suatu masa dahulu untuk menonton pertandingan sukan yang diadakan di Padang Speedy. Struktur berkubah berbentuk oktagon dengan disokong lapan tiang, pavilion ini dibina oleh komuniti Ceylon bagi memperingati Jubli Perak pemerintahan King George V, raja pemerintah Great Britain dan Maharaja India pada 6 Mei 1935. Komuniti Ceylon ini dibawa ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu oleh Residen British Sir Hugh Low. Mereka terlibat dalam pembinaan laluan Keretapi pertama dari Taiping ke Port Weld dan juga laluan keretapi dari Tapah Road ke Teluk Anson. Terdapat dua individu berketurunan Ceylon yang banyak berjasa terhadap pembangunan Teluk Anson. Salah seorang daripada mereka ialah Weeratuunge Edward Perera yang terlibat secara langsung dalam pembangunan Edward Perera yang terlibat secara langsung dalam pembangunan pendidikan dan juga pembinaan Kampung Guru, sebuah skim perumahan tertua di negara ini yang dibina oleh Persatuan Koperasi Guru Inggeris. Seorang lagi ialah En. S. Sabapathy yang merupakan Pembantu Jurutera dibawah Jabatan Kerja. Raya (P.W.D.) yang bertanggungjawab membina Menara Air Teluk Anson (Menara Condong) bersama Leong Choon Cheong, arkitek yang merekabentuk menara ini.

## 09 Gereja Tamil Methodist



Gereja Tamil Methodist bermula pada tahun 1905 sebagai salah satu tempat ibadah daripada Gereja Tamil Methodist Ipoh. Usaha ini berterusan sehinggalah tahun 1914 dengan ketibaan Rev. Kohlhoff sebagai Paderi pertama di gereja kecil ini. Upacara sembahyang diadakan di Sekolah Anglo-Chinese Teluk Anson. Pada 1916, cawangan gereja kecil ini telah distruktur semula sebagai sebuah gereja penuh dengan keahlian seramai 30 orang, dan usaha dakyah di estet berdekatan semakin meningkat. Menjelang 1927, gereja ini merangkumi 48 estet dengan komuniti Kristian

seramai 800 orang, digerakkan oleh seorang paderi, dua orang pembantu serta beberapa orang pendakwah tempatan. Pada 12 Januari 1936, batu asas bagi pembinaan gereja baru telah diletakkan oleh Bishop Edwin Lee. Gereja baru ini dibina dengan kos sebanyak \$6,780 dan daripada jumlah ini \$4,500 telah diperolehi dari komuniti Kristian tempatan. Namun terdapat kekangan kewangan untuk membeli perabot baru untuk kegunaan gereja, jadi untuk mengelakkan dari dibebani hutang, kerusi lama digunakan dalam gereja ini. Gereja ini akhirnya dirasmikan pada 5 April 1936.

## **10 Istana Lama Raja Muda Perak**



Bekas istana yang menjadi kediaman rasmi untuk Raja Muda Perak ini dibina pada tahun 1924 dengan kos sebanyak \$27,000. Raja Muda Perak pertama yang bersemayam disini ialah Almarhum Sultan Abdul Aziz, Sultan Perak ke-31. Pada masa dahulu istana ini masih digunakan, Teluk Intan digelar sebagai Bandar Diraja. Pelbagai acara pernah diadakan disini antaranya ialah ketika kunjungan Gabenor Jeneral Malaya, Sir Malcolm Macdonald ke Teluk Anson, beliau telah diraikan di Istana Raja Muda, dan dipersilakan untuk makan tengahari bersama Raja Muda. Perayaan terbesar pernah yang dianjurkan disini ialah majlis perkahwinan pada 1 Ogos 1963 diantara Raja Aminah yang merupakan puteri kedua kepada Raja Muda Perak dengan Leftenan Tengku Ibrahim, putera kedua Sultan Pahang. Raja Muda Perak yang terakhir sekali menduduki Istana ini ialah Almarhum Raja Muda Ahmad Siffuddin ibni Almarhum Sultan Iskandar sehingga kemangkatan baginda pada tahun 1987. Pada tahun 1988, DYTM Raja Muda Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak yang baru telah bersemayam di Istana Tetamu di Ipoh.

## **11 Gereja St. Anthony of Padua**



Asal usul Gereja St. Anthony of Padua ini dikesan seawal tahun 1894. Paderi pertama gereja ini, Rev. Father Rene Michel Marie Fee dari Soci t  des Missions-Etrang res de Paris atau MEP, telah membeli sebidang tanah dan membina sebuah gereja kecil beratapkan nipah. Dua tahun kemudian, beliau telah digantikan oleh seorang paderi muda iaitu Father Louis Perrichon bagi usaha menyebarkan dakyah Kristian disini. Diantara tahun 1900 dan 1914, beberapa menyebarkan dakyah Kristian disini. Diantara tahun 1900 dan 1914, beberapa paderi MEP telah berkhidmat di gereja ini. Malangnya pada tahun 1914, gereja ini musnah akibat kebakaran. Sebuah gereja baru yang lebih besar serta indah dibina pada tahun 1922 oleh Rev Father Donat Perrissod dan batu asasnya diletakkan pada hari Ahad, 7 Mei 1922. Dana bagi pembinaan bangunan gereja sebanyak \$70,000 telah berjaya dikumpul meskipun terdapat kekangan ekonomi akibat kesan dari perang dunia. Senarai penderma boleh dilihat pada laluan masuk ke dalam gereja sebagai tanda mengenang keikhlasan hati mereka. Gereja ini telah dirasmikan oleh Bishop Jean Marie Merel, MEP pada 6 Mei 1923.

## **12 Makam Sultan Abdullah Muhammad Shah I**



Makam ini merupakan tempat bersemadinya Paduka Seri Sultan Abdullah Muhammad Shah I ibni Raja Kecil Besar Abdul Rahman yang bersemayam di Durian Sebatang sewaktu menduduki takhta sebagai Sultan Perak ke 22. Baginda mangkat pada tahun 1857 dan diberi gelaran 'Marhum Itikadullah', namun lebih dikenali sebagai 'Marhum Durian Sebatang'. Sewaktu kajian keatas makam-makam Sultan Perak yang dilaksanakan oleh Jeragan Abdul Shukor atas titah perintah Sultan Idris Murshidul Azzam Shah pada tahun 1907, beliau melaporkan bahawa batu nisan makam Sultan Abdullah telah hilang. Makam ini telah dibina semula dengan reka bentuk yang sama dengan makam-makam Sultan Perak yang lain pada tahun 1969. Pada tahun 2015 bagi memulihkan pertabalan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, makam ini telah diperbaiki semula dengan bumbung, pagar dan papan tanda sejarah baru turut didirikan. Makam ini merupakan

makam terakhir yang akan dikunjungi oleh Sultan Perak sebelum baginda ke Beting Beras Basah untuk menjalani upacara Tabal Beting Beras Basah.

### **13 Masjid India Muslim**



Pada sekitar tahun 1800-an, Teluk Anson (kini Teluk Intan) merupakan sebuah kawasan perdagangan. Masyarakat India Muslim pada masa itu merupakan saudagar telah singgah untuk berdagang dan menyampaikan dakwah disini. Mereka kemudiannya membina sebuah masjid ditengah Bandar Teluk Intan sekitar tahun 1860-an. Walaubagaimanapun, bangunan masjid ini dipercayai dibina pada lewat kurun ke-19 atau pada awal kurun ke-20. Masjid India Muslim ini juga merupakan masjid tertua dibina di Teluk Intan dan juga digunakan untuk mendirikan solat Jumaat. Masjid ini mempunyai sebuah kolam yang sering digunakan bagi tujuan perubatan Islam yang dipercayai dapat mengubati penyakit. Kolam ini masih kekal di tempat asal dengan keluasan yang sama, namun kolam yang asal berlantaikan tanah dengan kedalaman lebih 2 meter, dan oleh kerana mengambil kira faktor keselamatan, pihak ahli jawatankuasa masjid pada tahun 1970-an telah mengurangkan kedalaman kolam dan kemudian menambah batu marmar pada kolam tersebut. Tiang-tiang asas masjid asalnya dibina dengan menggunakan batu-bata dan dikemaskan dengan kapur jelas menunjukkan keindahan seni binanya dan pada waktu dahulu terdapat pokok bunga tanjung besar yang menghiasi laman masjid ini.

### **14 Madrasah Al-Ihsaniah**



Madrasah Al-Ihsaniah merupakan madrasah moden pertama di Malaya. Diasaskan oleh Sheikhu Islam Mohd Salleh Bin Mohd Taib, ulama kelahiran Minangkabau. Beliau mengikuti pelajaran agama di Mekah dan berguru dengan ulama-ulama terkemuka ketika itu. Sheikhu Islam Mohd Salleh datang ke negeri Perak atas undangan Raja Mahmud, Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan dan menetap di Kuala Kangsar. Beliau kemudian berpindah ke Teluk Anson dimana ketokohan



beliau sudah terkenal disana. Dengan sokongan dari masyarakat bertambah, beliau kemudian membina sebuah madrasah yang diberi nama Madrasah Ihsaniah diatas sebidang tanah seluas ½ ekar. Bangunan asal Madrasah Al-Ihsaniah dibina menggunakan kayu-kayu dengan beratapkan nipah. Kemudian, apabila kewangan madrasah mencukupi maka terbinalah bangunan seperti yang masih kekal hingga ke hari ini pada tahun 1901. Wakaf bagi pembinaan ini turut disumbangkan oleh Almarhum Sultan Idris Murshidul' Adzam Shah ibni Almarhum Raja Bendahara Alang Iskandar.

### **15 Tokong Hock Soon Keong**



Pada 1845, sebah tokong kecil telah dibina ditebing Sungai Perak di Durian Sebatang dan kemudian dipindahkan ke Jalan Changkat Jong pada 1860. Seterusnya pada tahun 1880, sewaktu Major Jeneral Sir Archibald Anson, Leftenan Gabenor Pulau Pinang mengalami sakit yang teruk, pembantu rumahnya memohon kepada Dewa dan ajaibnya selepas itu Archibald Anson sembuh dari penyakitnya. Sebagai tanda penghargaan, beliau berjanji untuk memberikan sebidang tanah bagi membina tokong yang lebih baik. Jadi pada 1883, tokong ini dibina dengan mengikut konsep senibina dari Selatan China, menggambarkan zaman Dinasti Ming dan Ching. Ia menjadi pusat tumpuan bagi kaum Cina berketurunan Hokkien semasa era kolonial Inggeris serta turut menjadi tempat aktiviti kebajikan dan sistem kehakiman yang menggunakan sistem 'keibu-bapaan' bagi menyelesaikan permasalahan. Pada tahun 1928, tokong ini telah diubahsuai dan bahagian lama bangunan diperbaiki melalui sumbangan berjumlah \$30,000. Tokong ini terletak dikawasan yang berkeluasan sebanyak 37,000 kaki persegi. Sewaktu Perang Dunia Kedua, terdapat banyak artifak serta barangan milik tokong yang mempunyai nilai sejarah telah hilang.

### **16 Sri Thendayuthapani Temple**



Di antara migran terawal yang datang ke Teluk Anson (kini Teluk Intan) dari Selatan India adalah Komuniti Chettiar, terkenal dengan ketaatan mereka kepada Dewa Murugan dan semangat untuk membina serta menjaga kuil. Kebanyakan Selatan India adalah Komuniti Chettiar, dari Selatan India adalah Komuniti Chettiar, terkenal dengan ketaatan mereka kepada Dewa Murugan dan semangat untuk membina serta menjaga kuil. Kebanyakan dari mereka terdiri daripada para pedagang, peniaga dan juga pemberi pinjaman wang. Kuil asal dibina bagi tujuan upacara keagamaan dan pada akhir tahun 1890-an, sebuah kuil besar telah didirikan. Akhbar Perak Pioneer bertarikh 16 September 1899 melaporkan bahawa, "Orang Hindu di Hilir Perak mempunyai sebab untuk mengucapkan tahniah sesama mereka. Setahun dua sebelum in mereka tidak mempunyai tempat untuk bersembahyang. Kini mereka telah mempunyai kuil mereka sendiri yang dikatakan berharga 5000 Dolar Selat yang dikumpul oleh komuniti Chettiar hasil usaha S.T. Somasundram Chettiar dan M.N. Muthukaruppan Chettiar yang merupakan pemberi pinjaman wang tempatan." Kuil in berdiri sebagai bukti kepada sumbangan golongan Chettiar kepada ekonomi tempatan. Dengan mengikut seni bina dari India Selatan yang biasa dengan reka bentuk Chettiar, hanya kayu jati terbaik yang dibawa dari kilang kayu di Burma sahaja digunakan sebagai asas kuil ini. Manakala beras dan bijirin yang terbaik dari Burma dan rempah dari India akan dibawa untuk festival sebagai persembahan makanan kepada para dewa. Festival yang penting iaitu Chitra Paruvam disambut setiap tahun.

## 17 Menara Condong Teluk Intan



Dibina pada tahun 1885, Menara Condong Teluk Anson (kini Teluk Intan) ini direka dan dibina oleh arkitek berketurunan Cina tempatan iaitu Leong Choon Cheong (juga dikenali sebagai Ah Cheong) dan dibantu oleh Penolong Jurutera dari Jabatan Kerja Raya (P.W.D.) Teluk Anson, En. S. Sabapathy. Menara ini dibina dengan sempurna dan tegak pada asalnya, namun lama kelamaan mula condong sedikit demi sedikit. Selain faktor saintifik yang menyatakan bahawa keadaan struktur dan paras air dalam tanah yang tinggi, bebanan air yang berada dalam tangki juga telah menyebabkan menara ini condong ke arah barat daya. Menara dengan rekabentuk seperti pagoda ini menempatkan jam loceng yang dibeli dari pembuat jam terkenal dunia iaitu James

Wilson Benson dari Ludgate Hill, London. Walaupun menara ini pada asalnya berfungsi sebagai tangki simpanan air bagi kawasan bandar, ia tidak lagi menyimpan air dan hanya berfungsi sebagai menara jam. Bangunan dengan tinggi sebanyak tiga tingkat ini telah diisytiharkan sebagai bangunan warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Malaysia pada September 2015.

### **18 Jabatan Keretapi Sungai Bidor**



Digelar 'Gerotak Besi oleh penduduk tempatan, Jambatan Keretapi Sungai Bidor merupakan bahagian penting dalam laluan keretapi Teluk Anson - Tapah Road yang dibina British pada Mei 1891 dan siap pada November 1892. Mr. Spence Moss, Jurutera Keretapi Residen British telah mereka bentuk jambatan ini mengikut model jambatan keretapi Charing Cross yang merentasi Sungai Thames di London. Pembinaan ini diselia oleh Sir Frank Swettenham yang merupakan Residen British Perak dan jambatan ini telah dirasmikan oleh Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 18 Mei 1893 bersama pembukaan laluan keretapi Teluk Anson - Tapah Road dalam satu upacara yang gilang gemilang. Sewaktu serangan tentera Jepun di Malaya pada 1942, jambatan ini telah dimusnahkan oleh tentera British yang berundur, namun kemudian segera diperbaiki oleh tentera Jepun setelah menawan Teluk Anson.

### **19 Memorial Pelanggaran Gajah Sungai Kerawai**



Pada 17 September 1894, sebuah kereta api wap yang sedang membawa tiga gerabak penumpang serta taukey lombong yang baru pulang meninjau beberapa lokasi perlombongan di Perak telah diserang oleh seekor gajah jantan. Kesan kemalangan tersebut mengakibatkan lokomotif serta gerabak keretapi tergelincir dan laluan diantara Tapah Road dan Teluk Anson terpaksa ditutup sementara untuk kerja-kerja pembaikan. Tiada penumpang yang cedera dalam insiden ini dan mereka terpaksa berjalan kaki ke Steen Keretapi Teluk Anson, kurang 3 batu dari tempat kejadian. Akibat rempuhan tersebut, gajah jantan itu mati di tempat kejadian. Menurut

I.H.N. Evans, tengkorak gajah ini merupakan yang terberat direkodkan dalam sejarah di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu. Bagi memperingati peristiwa ini, sebuah papan tanda telah didirikan di tempat bangkai gajah tersebut ditanam. Tengkorak dan dua gading gajah tersebut kini disimpan dan dipamerkan di Muzium Perak, Taiping. Tulang paha gajah jantan dengan panjang kira-kira hampir semeter pula masih disimpan elok dan dipamerkan di ruang legar mini muzium KTMB Johor Bahru.

## **20 Masjid Jamek Kampong Batak Rabit**



Masjid Jamek Kampong Batak Rabit dipercayai telah wujud lebih dari 100 tahun. Dikatakan dibina oleh Laksamana Tok Tambah, pembantu kepada Sultan Abdullah II, Sultan Perak ke-26 yang terkenal dengan insiden pembunuhan J.W.W. Birch, Residen British Pertama di Negeri Perak. Bangunan asal masjid ini telah dibina dengan menggunakan kayu berkualiti tinggi. Walaubagaimanapun pada tahun 1885, Laksamana Tok Tambah telah membina semula masjid ini menggunakan batu bata yang kekal hingga ke hari ini. Bahagian dalam masjid pula kelihatan banyak tiang yang dibina dengan kemas dan kukuh melambangkan betapa hebatnya arkitek zaman dahulu dalam membina binaan konkrit sehingga kekal utuh sehingga kini. Seni bina masjid ini menggabungkan seni bina Melayu serta Eropah. Manakala struktur bangunan serta bumbungnya memang jelas dengan menggunakan ciri-ciri atap tumpang yang lazim terdapat pada masjid di nusantara. Ada ahli sejarah bersetuju senireka Masjid Batak Rabit ini berasal dari Masjid Demak.